



GOOGLE SLIDES

Google Slides adalah aplikasi pembentangan berdasarkan web yang membolehkan anda berkolaborasi secara *real-time* dan dapat diakses di pelbagai peranti yang mempunyai capaian internet.

ia juga adalah program yang membolehkan pengguna mencipta, menyunting dan memaparkan slaid pembentangan.

KELEBIHAN GOOGLE SLIDES

1. Teknologi Berasaskan Awan

Pengguna dapat menikmati antara muka, fungsi dan integrasi dengan aplikasi Google Workspace (GWS) yang lain tanpa mengira browser, sistem pengendalian atau peranti yang digunakan.

2. Direka Untuk Berkolaborasi

Penyuntingan dan komen sentiasa muncul serta-merta dan secara *real-time* kepada semua pengguna tidak kira browser atau peranti yang digunakan.

3. Simpanan Fail Secara Automatik

Google Slides secara automatik menyimpan semua fail dalam Drive untuk mudah diakses daripada mana-mana browser atau peranti. Ia juga dapat memulihkan (restore) versi sebelumnya dengan satu klik sahaja.

4. Integrasi Aplikasi GWS Yang Lain

Google Slides membolehkan pengguna berkolaborasi dengan aplikasi GWS yang lain seperti Sheets, Docs atau Youtube dengan mudah.

5. Pemindahan Yang Mudah Dengan PowerPoint

Google Slides menyokong pemindahan yang lancar dengan PowerPoint di mana pengguna boleh memindahkan slaid pembentangan di fail PowerPoint kepada Google Slides tanpa masalah.

TAHUKAH ANDA?

Google Slides bukan sahaja digunakan untuk pembentangan tetapi ia juga dapat digunakan untuk membuat poster.




Berikut merupakan fungsi-fungsi yang dapat digunakan ketika membuat poster:

1. Tetapan Saiz Slaid

Saiz slaid dapat diubah mengikut tetapan pra seperti *standard* atau *widescreen*. Tetapan *custom* pula membolehkan pengguna untuk menetapkan sendiri saiz slaid yang dikehendaki.

Klik File → Page Setup → Custom



- Pilih unit ukuran sama ada dalam Centimeters, Inches, Points atau Pixels.
- Tetapkan saiz slaid kepada saiz pilihan poster anda.
- Tekan Apply apabila anda selesai menetapkan saiz.



2. Fungsi Guides

Guides dapat membantu pengguna dalam menetapkan *alignment* agar paparan poster nampak kemas dan teratur

- Klik kepada Views → Guides → Edit Guides
- Tekan Add new guide untuk menambah garis sebagai panduan.
- Tetapkan posisi garis mengikut ketetapan anda. Contoh, tetapkan 0 untuk posisikan garis berada di hujung kiri atau paling atas slaid.
- Tekan Done setelah selesai meletakkan garis sebagai panduan.



3. Fungsi Design

Reka bentuk poster dapat dilakukan menggunakan fungsi *Design* seperti di bawah untuk menyusun maklumat dengan jelas, menghasilkan penarikan visual dan menyesuaikan paparan.

- Memasukkan kotak teks atau bentuk untuk menyusun maklumat dengan jelas.
- Masukkan gambar, ikon atau ilustrasi sebagai penarikan visual.
- Menetapkan format teks untuk memaparkan maklumat dengan jelas.
- Menetapkan format bentuk atau gambar untuk menyesuaikan paparan.

Insert Format Slide Arrange Tools Exter

- a** Image
- b** Text box
- Shape
- Diagram
- Table
- Chart
- Line
- Word art
- Video
- Audio
- Special characters
- Animation

b Upload from computer

Search the web

GIFs and stickers **New**

Drive

Photos

Camera

By URL

a Shapes

Arrows

Callouts

Equation

a Shapes

Arrows

Callouts

Equation

c Arial

18

B *I* U **A**

d Format options

d Animate

d Format options

- Size & Rotation
- Position
- Text fitting
- Drop shadow
- Reflection
- Alt Text

4. Fungsi Muat Turun dan Share

Poster anda dapat dimuat turun kepada pelbagai bentuk untuk perkongsian atau pencetakan mudah.

- Perkongsian fail dengan mudah.
- Memuat turun fail kepada pelbagai bentuk.



a Share

b Download

a Share with others

Publish to web

a Share

b Download

b Microsoft PowerPoint (.pptx)

ODP Document (.odp)

PDF Document (.pdf)

Plain Text (.txt)

JPEG image (.jpg, current slide)

PNG image (.png, current slide)

Scalable Vector Graphics (.svg, current slide)